


# FOKUS

## MARINA ISLAND PANGKOR



**Bagaikan kota terapung, kewujudan Marina Island Pangkor di Teluk Muroh bernilai RM 1 bilion, bakal menyajikan landskap baru kepada Daerah Manjung, destinasi yang sememangnya unggul dengan pelbagai produk pelancongan.**

Kerja-kerja penambakkan laut untuk membina pulau buatan itu sudah bermula sejak tahun 2003, manakala fasa pertama projek pembinaan bangunan komersial dan kediaman sudah bermula Mac lalu dan mengikut perancangan, pembangunan kawasan pulau seluas 128.3 hektar berkenaan dijangka siap sepenuhnya dalam masa 10 hingga 15 tahun.

Pengarah Urusan Marina Island Development Sdn Bhd, Dato' Ding Poi Chung berkata, konsep pembangunan bercampur akan menjadikan Marina Island Pangkor sebagai kawasan pertumbuhan baru yang unik menggabungkan elemen komersial, kediaman dan pelancongan.

"Marina Island Pangkor juga akan berfungsi sebagai pelabuhan kapal persiaran yang pertama di Asia Pasifik. Sebuah jeti antarabangsa bagi kemudahan kapal-kapal persiaran berlabuh akan dibina selain sebuah jeti domestik bagi kemudahan orang ramai berulang alik ke Pulau Pangkor. Jeti tersebut akan memendekkan perjalanan kurang dari 10 minit berbanding 20 minit menggunakan jeti di Lumut," katanya.

Marina Island Development Sdn Bhd sebagai pemaju projek berkenaan, kata Dato' Ding lagi akan menggabungkan ciri-ciri reka bentuk ala-Belanda dan tempatan dalam konsep pembangunan Marina Island Pangkor.



**Terminal Jeti Marina Island Pangkor bagi kegunaan domestik dan antarabangsa**



**Marina Island Pangkor menyediakan pelbagai kemudahan termasuk pusat membeli belah**

Beliau menjelaskan, sebagai sebuah marina bertaraf dunia, Marina Island Pangkor akan menyediakan rumah kediaman, kemudahan perniagaan, rumah kedai, akademi pelayaran, hotel, pusat beli belah dan pusat komersial.

"Kita juga akan sediakan marina club selain taman tema yang bakal menjadi tarikan baru pelancong," ujar Dato' Ding.

Katanya lagi, pembangunan keseluruhan Marina Island Pangkor akan menumpukan kepada pembinaan dua buah pulau buatan yang terletak 400 meter dari luar pantai yang akan disambung ke tanah besar oleh jambatan sepanjang 150 meter.

"Marina Island Pangkor bukan sahaja akan jadi mercu tanda baru di Manjung, bahkan akan meletakkan Perak, khususnya Lumut sebagai destinasi persinggahan kapal-kapal persiaran dari seluruh dunia," ujar Dato' Ding.



**Konsep reka bentuk bercirikan senibina Belanda menjadi identiti Marina Island Pangkor**

### KOMBINASI SENI BINA BELANDA-MALAYSIA

Pemaju projek Marina Island Pangkor memilih konsep pembangunan bercirikan ala-Belanda kerana lokasinya terletak tidak jauh dari Pulau Pangkor yang sememangnya terkenal dengan pengaruh Belanda, suatu ketika dulu.

Pengurus Projek Marina Island Development Sdn Bhd, BK Goh berkata, selain membina bangunan berciri Belanda, beberapa kincir angin akan dibina di taman permainan, selain pintu masuk utama dan jeti bertujuan menguatkan lagi cita rasa Belanda di Marina Island Pangkor.

"Marina Island Pangkor begitu istimewa sekali, selain lokasi ianya turut dihiasai oleh teluk buatan serta campuran seni bina Belanda dan Malaysia," ujarnya. BK Goh juga menjelaskan bahawa Marina Island Pangkor merupakan satu-satunya projek pembangunan di atas tanah penambakkan yang diberi status pegangan bebas di negara ini.